

SP-CORTIL 10 SYRUP

Prednisolone (10mg/5ml)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan SP-Cortil 10 Syrup
2. Bagaimana SP-Cortil 10 Syrup berfungsi
3. Sebelum menggunakan SP-Cortil 10 Syrup
4. Cara menggunakan SP-Cortil 10 Syrup
5. Semasa menggunakan SP-Cortil 10 Syrup
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan SP-Cortil 10 Syrup
8. Maklumat Lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan SP-Cortil 10 Syrup

Ia digunakan untuk penyakit reumatik (melibatkan otot, tendon, sendi dan tulang), penyakit kolagen (*systemic lupus erythematosus*), penyakit kulit (*pemphigus*, psoriasis yang teruk, dermatitis seborrheic teruk), asma bronkial, penyakit mata (radang mata, herpes zoster *ophthalmicus*, konjunktivitis alahan), gangguan darah, penyakit kanser (leukemia), keadaan bengkok dan penyakit gastrousus.

Bagaimana SP-Cortil 10 Syrup berfungsi

Bahan aktif dalam ubat ini adalah Prednisolone. Prednisolone dikenali sebagai kortikosteroid atau steroid. Ia membantu dengan mengurangkan kesan keradangan dalam pelbagai masalah dan penyakit. Prednisolone secara terikat kepada protein plasma, walaupun kurang daripada hydrocortisone (cortisol). Prednisolone disingkirkan melalui air kencing sebagai metabolit bebas dan konjugasi, bersama dengan prednisolon yang tidak berubah

Sebelum menggunakan SP-Cortil 10 Syrup

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan gunakan SP-Cortil 10 Syrup jika: -

- anda mempunyai jangkitan kulit sistemik.
- anda disuntik dengan vaksin virus hidup.
- anda mempunyai Hipersensitiviti kepada prednisolone atau mana-mana bahan kandungan yang disenaraikan pada akhir risalah ini.

- Sebelum mula menggunakan SP-Cortil 10 Syrup

Beritahu doktor anda sebelum mengambil ubat ini jika anda:-

- mempunyai kegagalan jantung kongestif
- mempunyai kencing manis
- mempunyai masalah buah pinggang kronik

- mempunyai tekanan darah tinggi
- baru selepas pembedahan usus
- mempunyai penyakit berjangkit
- mempunyai kelemahan otot
- mempunyai radang mata disebabkan oleh virus herpes simplex
- mempunyai penyakit batuk kering
- mempunyai hipotiroidisme (penyakit tiroid kurang aktif)
- pendedahan kepada campak dan cacar air
- warga tua
- sklerosis sistemik (gangguan autoimun). Pengambilan dos harian sebanyak 15 mg atau lebih boleh meningkatkan risiko komplikasi serius iaitu scleroderma renal crisis yang boleh menyebabkan tekanan darah anda meningkat dan mengurangkan pengeluaran air kencing.

Kortikosteroid boleh menutup beberapa tanda-tanda jangkitan, dan jangkitan baru mungkin muncul semasa penggunaannya.

Sesetengah ubat boleh meningkatkan kesan SP-Cortil 10 Syrup dan doktor anda ingin memantau anda dengan teliti jika anda mengambil ubat ini (termasuk ubat-ubatan untuk HIV seperti cobicistat).

Mengandung dan penyusuan bayi

Beritahu doktor anda jika anda mengandung, merancang untuk mengandung atau menyusukan bayi. Ia tidak digalakkan untuk wanita hamil dan ibu menyusu kecuali manfaat yang dijangka melebihi potensi risiko. Kortikosteroid boleh didapati dalam susu ibu dan boleh menyebabkan kesan sampingan yang tidak diinginkan.

- Jika mengambil ubat-ubatan lain

Terdapat beberapa ubatan yang boleh berinteraksi dengan SP-Cortil 10 Syrup. Adalah penting untuk memberitahu doktor atau ahli farmasi anda mengenai semua ubat-ubatan yang anda ambil, termasuk yang diperolehi tanpa preskripsi doktor. Anda perlu berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil seperti berikut: -

- Aspirin, rawatan untuk sakit dan keradangan
- Phenytoin dan phenobarbital, rawatan untuk sawan
- Ephedrine, untuk asma
- Rifampicin, rawatan untuk jangkitan bakteria
- Barbiturates, rawatan untuk depresi sistem saraf pusat (CNS)

Cara menggunakan SP-Cortil 10 Syrup

- Berapa banyak harus digunakan

Anda perlu mengambil SP-Cortil 10 Syrup dengan tepat seperti yang dinasihatkan oleh doktor atau ahli farmasi. Jumlah yang anda ambil setiap hari bergantung kepada keadaan anda. Jangan mengambil lebih atau kurang daripada apa yang doktor anda tetapkan.

Pengambilan Oral

Keperluan dos adalah pemboleh ubah dan mesti disesuaikan berdasarkan penyakit dan respon individu. Dos yang disyorkan mestilah dibawah pematuhan ketat pada ratio atau badan Dos awal mungkin berbeza-beza dari 5mg hingga 60mg setiap hari dengan membahagikan dos sebagai dos tunggal selepas sarapan atau penggantian dos berganda selang hari bergantung kepada rawatan.

- Bila perlu digunakan

Gunakan SP-Cortil 10 Syrup apabila diperlukan dan mengikut preskripsi doktor.

- Berapa lama perlu digunakan

Ia adalah penting untuk mengambil SP-Cortil 10 Syrup seperti ditetapkan oleh doktor.

- Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda ingat. Jika ia hampir masa untuk dos seterusnya, tunggu sehingga itu untuk mengambil dos yang seterusnya. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang terlepas. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda atau sesiapa terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan SP-Cortil 10 Syrup

- Perkara yang perlu dilakukan

- Ambil ubat anda seperti doktor anda telah memberitahu anda.

- Beritahu semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda mengambil SP-Cortil 10 Syrup.
- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda mengandung semasa mengambil ubat ini.

-Perkara yang tidak perlu dilakukan

- Jangan berhenti mengambil ubat kecuali dinasihatkan oleh doktor anda kerana pemberhentian kortikosteroid yang terlalu cepat boleh menyebabkan kekurangan adrenokortikal dan boleh dikurangkan dengan pengurangan dos secara beransur-ansur. Yang lain mungkin termasuk demam, sakit, sakit otot dan sendi serta rasa tidak sedap badan.
- Jangan mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor anda.
- Jangan berikan SP-Cortil 10 Syrup kepada orang lain, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan seperti anda.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Jika anda mengalami sebarang kesan sampingan, rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda untuk mendapatkan nasihat.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, SP-Cortil 10 Syrup boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang akan mengalaminya. Kesan sampingan termasuk gangguan cecair dan elektrolit, kelemahan otot, osteoporosis (tulang rapuh), radang pankreas akut, sindrom cushing, terencat pertumbuhan, haid tidak tetap, peningkatan tekanan dalam mata, gangguan penglihatan, tekanan darah tinggi, bengkak, gangguan mental, perubahan setempat dan peningkatan selera makan.

Kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan di atas mungkin juga boleh berlaku pada sesetengah orang. Sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi jika anda mengalami simptom-simptom lain semasa mengambil ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No.Tel : 03-78835490, atau laman web npa.gov.my [Consumers→ Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan SP-Cortil 10 Syrup

-Penyimpanan

Simpan pada atau di bawah suhu 30°C. Lindungi daripada cahaya.

-Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna produk

Sirap putih jernih dan tidak berperisa.

-Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif
 - Prednisolone
- Bahan- bahan tidak aktif
 - Sodium Saccharine
 - Aspartame
 - Spirit Chloroform
 - Citric Acid
 - Propylene Glycol
 - Purified Water
 - Syrup Simplex

- Nombor MAL

MAL20040566AZ

Pengilang

Sunward Pharmaceutical Sdn. Bhd.
No. 9,11 & 17, Jalan Kempas 4, Taman Perindustrian Tampoi Indah, 81200 Johor Bahru, Johor, Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk

Sunward Pharmaceutical Sdn. Bhd.
No.9,11 & 17, Jalan Kempas 4, Taman Perindustrian Tampoi Indah, 81200 Johor Bahru, Johor, Malaysia.

Tarikh Kemaskini RiMUP

02/05/2019

Nombor siri

NPRA(R2/1)190409/106